

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4

Tiga fasa dilaksana bermula April

Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia

Tiga fasa dilaksana bermula April

Usaha babit pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri di 480 lokaliti rintis

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) akan mula dilaksanakan dalam tiga fasa bermula bulan depan, membabitkan 480 lokaliti rintis di seluruh negara dengan pembabitkan pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob.

Perdana Menteri berkata, program itu bertujuan membasmikan miskin tegar menjelang tahun

2025 dengan fasa pertama membabitkan 80 lokaliti rintis di seluruh negara, manakala bagi fasa kedua dan ketiga, akan dilaksanakan September hingga Disember ini.

"Seterusnya, untuk fasa keenam, ia akan dilaksanakan pada tahun depan. BMTKM adalah sejajar dengan dasar dan strategi baharu untuk membasmikan kemiskinan tegar pada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)," katanya dalam kenyataan selepas memperesurikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri (MBKM) Ke-138, semalam.

Sebanyak lima kertas dibentangkan untuk perbincangan yang membabitkan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan negeri bagi memastikan agenda kesejahteraan Keluarga Malaysia dapat dilaksanakan.

Menerusi BMTKM, Ismail Sabri berkata, kerajaan akan menggunakan beberapa pendekatan

seperti menuhubkan Unit Kemiskinan khusus pada peringkat Persekutuan, negeri dan daerah.

"Selain itu, kerajaan juga akan mewujudkan pangkalan data kemiskinan secara bersepadu dan berpusat, untuk mempertingkatkan program ini, kita akan dengan menggunakan pendekatan dari bawah ke atas menerusi pendekatan menyeluruh serta melaksanakan penyelesaian kemiskinan pada peringkat akar umbi," katanya.

Mesyuarat yang diadakan secara bersemuka itu juga bertujuan supaya kerajaan negeri perlu memberi keutamaan dengan menyegerakan kelulusan terhadap permohonan pengambilan tanah bagi melaksanakan projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

Ismail Sabri berkata, antara agenda perbincangan semalam ialah komitmen bersama Kerajaan Persekutuan dan negeri ber-

hubung perolehan tanah untuk pelaksanaan pembangunan kerajaan berkepentingan awam.

"Kerajaan bertanggungjawab menyediakan kemudahan infrastruktur yang berkualiti untuk kemudahan Keluarga Malaysia bagi merangsang pertumbuhan ekonomi."

"Namun, isu tanah menyebabkan kelewatan dan secara tidak langsung memberi implikasi kepada kerajaan," katanya.

Beliau berkata, dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), kerajaan memberi tumpuan kepada projek infrastruktur berimpak tinggi seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), landasan berkembang elektrik Gemas ke Johor Bahru, Projek Sistem Transit Rapid (RTS), Lebuh raya Pantai Barat (WCE), Central Spine Road dan Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai.

"Projek yang dinyatakan ini akan memberi limpahan ekono-

mi yang besar kepada negeri berkenaan.

"Berikutnya itu kita memutuskan kerajaan negeri perlu memberi keutamaan serta menygerakkan kelulusan permohonan pengambilan tanah untuk projek Kerajaan Persekutuan."

"Tanah projek yang membabitkan jajaran, akan diluluskan secara perizinan, manakala tapak pusat operasi, pejabat atau stesen diluluskan secara pemberi m likan," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan negeri perlu membantu menyelesaikan isu halangan di atas tanah milik mereka kerana ia membabitkan projek kerajaan berkepentingan awam.

"Pada masa sama, perbincangan lanjut akan diadakan berhubung kadar premium yang dikenakan untuk pemberi m likan dan cukai tanah oleh Kerajaan Negeri selaras dengan ketetapan yang telah dibuat oleh Majlis Tanah Negara," katanya.